ARUNAKIRINATHAN THILLAINATHAN lwn. PP & SATU RAYUAN LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL WAHAB MOHAMED H
[RAYUAN JENAYAH NOS: AA-42CY-2-06-2022 & AA-42CY-3-06-2022]
3 JANUARI 2024

Abstrak – *Penggunaan media sosial, yang berpotensi membawa kedua-dua kesan baik dan buruk, perlu dikawal penggunaannya agar tidak menimbulkan kesan negatif pada keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama di Malaysia. Setiap orang yang menggunakan media sosial perlu berhati-hati semasa membuat apa-apa hantaran, khususnya yang melibatkan sensitiviti agama dan kaum dan perlu mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jika hantaran-hantaran yang dibuat di media sosial bersifat negatif dan boleh memecahkan keharmonian masyarakat, mahkamah tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman yang setimpal.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, s. 233(1)(a) – Kanun Keseksaan, s. 504 – Kenyataan berbaur penghinaan terhadap orang Melayu dan Sultan dalam video yang dimuat naik di media sosial – Sama ada kesalahan serius membabitkan sensitiviti agama dan kaum dan menggugat keharmonian antara kaum di Malaysia – Sama ada kesemua elemen pertuduhan dibuktikan – Sama ada pembelaan tertuduh berjaya menyangkal keterangan pihak pendakwaan – Sama ada pembelaan hanya penafian semata-mata – Sama ada tertuduh menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Rayuan – Kesalahan-kesalahan bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan s. 504 Kanun Keseksaan – Kenyataan berbaur penghinaan terhadap orang Melayu dan Sultan dalam video yang dimuat naik di media sosial – Sama ada kesalahan serius membabitkan sensitiviti agama dan kaum dan menggugat keharmonian antara kaum di Malaysia – Sama ada hukuman yang dikenakan memadai – Sama ada faktor kepentingan awam wajar dipertimbangkan – Sama ada hukuman dan denda lebih berat perlu diberikan*

Arunakiri Nathan ('OKT') adalah perayu dalam kes Rayuan Jenayah No: 42CY-2-06-2022, manakala perayu dalam kes Rayuan Jenayah No: 42CY-3-06-2022 adalah Pendakwa Raya ('pihak pendakwaan'). OKT ditangkap susulan satu laporan polis oleh SP1 terhadap OKT berdasarkan video yang menunjukkan OKT membuat kenyataan berbaur penghinaan terhadap orang Melayu dan Sultan di laman Facebook OKT. Selepas siasatan dibuat, OKT dituduh dengan dua pertuduhan (i) bawah s. 233(1)(a) Akta

Komunikasi dan Multimedia 1998 ('Akta') yang boleh dihukum bawah s. 233(3) Akta; dan (ii) bawah s. 504 Kanun Keseksaan ('Kanun'). OKT disabitkan atas kedua-dua kesalahan dan dijatuhkan hukuman denda RM10,000, jika gagal bayar enam bulan penjara untuk kesalahan bawah s. 233(1)(a) Akta dan penjara lima hari dan denda RM5,000, jika gagal bayar tiga bulan penjara untuk kesalahan bawah s. 504 Kanun. Antara isu yang dibangkitkan OKT dalam rayuannya adalah bahawa Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') terkhilaf dalam keputusannya mensabitkan OKT apabila: (i) gagal memberi pertimbangan pada hak kebebasan bersuara OKT bawah per. 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan; (ii) gagal mempertimbangkan bahawa video OKT diedarkan oleh orang lain dan bukan OKT; (iii) gagal mempertimbangkan bahawa video yang dikatakan telah dimuat naik di aplikasi Facebook OKT yang berkunci tidak dikongsi dengan sesiapa dan 'live' video yang dibuat di akaun berkunci itu bukan dibuat untuk membangkitkan marah sehingga memecahkan keamanan dan bukan satu perbincangan yang berbahaya; (iv) gagal mempertimbangkan perkataan 'Sultan' dimaksudkan bukanlah membawa maksud Sultan-sultan di Malaysia; (v) memutuskan pembelaan OKT bersifat penafian semata-mata; dan (vi) pertuduhan bawah s. 233(1)(a) Akta dan s. 504 Kanun adalah pertuduhan bertindih. Pihak pendakwaan, yang tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS, merayu agar hukuman lebih berat dijatuhkan terhadap OKT.

Diputuskan (menolak rayuan OKT; membenarkan rayuan pihak pendakwaan):

(1) Bawah s. 233(1) Akta, elemen-elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan adalah: (i) OKT telah menggunakan aplikasi laman profil Facebook miliknya untuk memulakan satu komunikasi dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi iaitu internet; (ii) OKT secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komen yang jelik sifatnya; dan (iii) dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain. Untuk pertuduhan bawah s. 504 Kanun, elemen-elemen yang perlu dibuktikan adalah: (i) OKT memulakan penghantaran komen tersebut dengan sengaja mengaibkan; (ii) OKT memulakan penghantaran komen tersebut bagi mendatangkan kebangkitan marah kepada mana-mana orang; dan (iii) OKT memulakan penghantaran komen tersebut dengan maksud memecahkan keamanan awam. (perenggan 18 & 20)

(2) Siasatan dan keterangan jelas menunjukkan pemilik dan pengendali akaun Facebook Arunakiri Nathan II adalah OKT sendiri. Oleh itu, anggapan bawah s. 114A Akta Keterangan 1950 timbul dan, berdasarkan s. 114A(1), OKT boleh dianggap telah membuat dan memulakan komunikasi secara 'live' dan seterusnya memuat naikkan di laman akaun Facebook Arunakiri Nathan II. OKT dikenal pasti oleh SP1 sebagai orang dalam 'live' tersebut. Kenyataan-kenyataan yang dimuat naik juga adalah ungkapan yang bersifat jelik, yang menghina para Sultan dan

orang-orang Melayu di negara ini. Kenyataan-kenyataan atau komen yang dikeluarkan oleh OKT berniat untuk menyakitkan hati orang lain, menyedari bahawa Facebook adalah satu platform media yang dilayari ramai orang dari semasa ke semasa. Malahan, SP1 sendiri menyatakan yang dia berasa sangat sakit hati dan marah dengan kenyataan OKT tersebut. (perenggan 25-27, 29, 30 & 33)

(3) Kenyataan-kenyataan oleh OKT mengaibkan Sultan, secara khusus, dan secara amnya, orang Melayu. Walaupun OKT dalam pembelaannya menyatakan bahawa Sultan yang dimaksudkan bukan Sultan di negeri-negeri di Malaysia, apabila dibaca dan diteliti keseluruhan kenyataan yang dimuat naik, jelas bahawa Sultan yang dimaksudkan adalah Sultan-sultan di negeri-negeri di Malaysia dan bukan negara lain. SP1, dalam keterangannya, jelas menegaskan bahawa beliau berasa marah dan tersinggung apabila mendengar kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh OKT dalam videonya. Kenyataan-kenyataan oleh OKT sememangnya tidak berasas dan akan membangkitkan kemarahan, terutamanya orang Melayu dan secara tidak langsung boleh menggugat keamanan serta memecah belahkan perpaduan kaum di negara ini. (perenggan 36, 37, 38, 40 & 41)

(4) Penafian bukan satu pembelaan yang boleh menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Pembelaan OKT bahawa video tersebut dimuat naik secara tertutup tidak dapat menyangkal keterangan saksi pihak pendakwaan yang jelas menunjukkan bahawa video tersebut telah dimuat naik, dilihat, dikomen dan di'like' oleh orang awam. OKT juga tidak dapat menunjukkan bahagian mana yang dikatakan telah disunting atau apa-apa keterangan dikemukakan untuk menyokong pembelaan bahawa video itu telah disunting. Pembelaan OKT bahawa video tersebut dimuat naik bukan bertujuan untuk menyakitkan hati atau mencetuskan kemarahan mana-mana orang dan seterusnya menggugat keamanan awam di negara ini juga tidak dapat diterima. Pembelaan OKT tidak lebih daripada penafian semata-mata dan sama sekali tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. (perenggan 45-49)

(5) Bahaya berganda dalam mengenakan pertuduhan-pertuduhan tersebut ke atas OKT tidak dibuktikan. Terdapat perbezaan berkaitan elemen-elemen dalam pertuduhan-pertuduhan bawah s. 233(1) Akta dan s. 504 Kanun yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan kuasa budi bicara Peguam Negara untuk membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding mengenai satu kesalahan. Kuasa tersebut adalah muktamad dan tidak boleh digantikan dengan kuasa budi bicara mahkamah. Rayuan OKT atas sabitan didapati tidak bermerit dan oleh itu, ditolak. (perenggan 51-55)

(6) Hukuman-hukuman yang dijatuhkan terhadap OKT adalah sangat tidak berpatutan dan ternyata tidak memadai. Hakim Mahkamah Sesyen gagal mempertimbangkan faktor kepentingan awam apabila menentukan hukuman yang berpatutan dan memadai terhadap OKT. Oleh itu, rayuan pihak pendakwaan terhadap hukuman didapati bermerit dan dibenarkan. Hukuman HMS ke atas OKT diketepikan dan digantikan dengan hukuman seperti berikut: (i) untuk pertuduhan pertama bawah s. 233(1)(a) Akta, dua bulan penjara dari tarikh jatuh hukum dan denda RM10,000 jika gagal bayar tiga bulan penjara; dan (ii) untuk petuduhan kedua bawah s. 504 Kanun, empat bulan penjara dari tarikh jatuh hukum dan denda RM5,000 jika gagal tiga bulan penjara. Kedua-dua hukuman penjara diperintahkan berjalan serentak dari tarikh jatuh hukum. (perenggan 76, 77 & 79)

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] CLJU 139; [1981] 1 LNS 139 FC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***
Karpal Singh & Anor v. PP [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 SC ***(dirujuk)***
Liau Choy Wan v. PP [2017] 10 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
Long Samat & Ors v. PP [1974] CLJU 80; [1974] 1 LNS 80 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Losali v. PP [2012] 2 CLJ 178 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] CLJU 82; [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohd Fahmi Reza Mohd Zarin lwn. PP [2019] CLJU 120; [2019] 1 LNS 120 HC ***(dirujuk)***
P'ng Hun Sun v. Dato' Yip Yee Foo [2013] CLJU 320; [2013] 1 LNS 320 CA ***(dirujuk)***
PP v. Abang Abdul Rahman [1981] CLJU 169; [1981] 1 LNS 169 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Nguyen Thi Huong [2015] 2 CLJ 102 HC ***(dirujuk)***
PP v. Nur Hassan Salip Hashim & Anor [1993] 2 CLJ 551 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Ramakrishnan Subramaniam & Ors [2012] 9 CLJ 443 CA ***(dirujuk)***
PP v. Rutinin Suhaimin [2013] 2 CLJ 427 HC ***(dirujuk)***
Rahani Ahmad lwn. PP [2013] CLJU 1536; [2013] 1 LNS 1536 CA ***(dirujuk)***
Saminathan & Ors v. PP [1955] CLJU 138; [1955] 1 LNS 138 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Communications and Multimedia Act 1998, s. 233(1)(a), (3)
Criminal Procedure Code, ss. 316(b)(ii), 376(1)
Evidence Act 1950, s. 114A(1)
Federal Constitution, arts. 10(1)(a), (2)(a), 145(3)
Penal Code, s. 504

Bagi pihak perayu - T/n SS Seelan & Assocs
Bagi pihak responden - TPR

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Abdul Wahab Mohamed H:

Pengenalan

[1] Arunakiri Nathan a/l Thilai Nathan yang merupakan perayu (selepas ini disebut sebagai "OKT") bagi kes Rayuan Jenayah No. 42CY-2-06-2022 telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (selepas ini dikenali sebagai Akta 588) dan pertuduhan di bawah s. 504 Kanun Keseksaan (selepas ini dikenali sebagai "KK"). Manakala Pendakwa Raya (selepas ini disebut sebagai pihak pendakwaan) merupakan responden dalam rayuan ini.

[2] Pihak pendakwaan yang merupakan perayu bagi kes Rayuan Jenayah No. 42CY-3-06-2022 telah merayu ke atas hukuman yang telah dijatuhkan ke atas OKT seperti bagi tuduhan pertama di bawah s. 233(1) Akta 588, denda RM10,000 jika gagal bayar enam bulan penjara dan bagi tuduhan kedua di bawah s. 504 KK, hukuman penjara lima hari dan denda RM5,000 jika gagal bayar denda tiga bulan penjara.

Fakta Ringkas

[3] Pada 19 Februari 2019, jam lebih kurang 9 pagi, Abdul Hadi Ahmad bin Khairol Nizam (SP1) telah melayari Facebook Arunakiri Nathan iaitu OKT dan telah melihat satu video yang menunjukkan OKT membuat kenyataan berbaur penghinaan terhadap orang Melayu dan Sultan berbunyi seperti berikut:

> Zakir Naik can actually con all Malays ... Malaysians. Zakir Naik can cheat all the Sultans. You know why? Don't blame Sultan or don't blame the Malays. Malay Muslim because there is a rule of law where they cannot learn more. They canot have higher IQ. They must follow UMNO or PAS. So if you take the Sultans right, its billions going to them. Aaa ... its on money, not knowledge. So in direct language, in being very very upfront towards you. Do you think that a Sultan want to see a real human? Or hear from a real human? Maybe a Sultan would want a 1 million, 2 millions, 3 millions, 4 millions, 5 millions. Do you think in Malaysia a Sultan wants to help Indian Chinese Malays wholeheartedly? That you must ask the Sultan wants to help la because a Sultan if they can be Malaysians and they can help all races. Perlis would never have the kidnappings of in Pastors. In Kelantan, you never have so many hundreds of bodies dying over there being aaa ... I mean being thrown la near the border. In Pahang, you wouldn't have pollution that is very very bad but, in every world, or in every country, you will have people lead about money and not humanity.

[4] Terasa sakit hati dan marah dengan video ini, SP1 telah membuat satu laporan polis sebagaimana eksh. P2. Selanjutnya, berikutan dari laporan yang dibuat oleh SP1, OKT telah ditangkap oleh ASP Chay Hu Yeen (SP2) serta merampas barang kes seperti P7c dan P7d serta laporan tangkapan telah dibuat sebagaimana eksh. P6.

[5] Dalam siasatan oleh pegawai penyiasat iaitu SP7 ke atas OKT, satu laporan profiling iaitu eksh. P13 telah diterima daripada SP3 yang mengesahkan bahawa OKT adalah pengendali bagi akaun "Arunakiri Nathan II" tersebut.

[6] Oleh itu, OKT telah dituduh di mahkamah sebagaimana pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta 588 yang boleh dihukum di bawah s. 233(3) seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 15 Februari 2016 jam lebih kurang 11.52 malam melalui perkhidmatan aplikasi Facebook dengan menggunakan laman profil "Arunakirinathan II di pautan Facebook "Fahmi Reza" di pautan https://www.facebook.com/arunakiri.nathanii/videos/1213 00272274558. secara sedar memuatnaik satu video kenyataan-kenyataan yang jelik sifatnya iaitu "Zakir Naik can actually con all Malays ... Malaysians. Zakir Naik can cheat all the Sultans.You know why? Don't blame Sultan or don't blame the Malays. Malay Muslim because there is a rule of law where they cannot learn more. They canot have higher IQ. They must follow UMNO or PAS. So if you take the Sultans right, its billions going to them. Aaa ... its on money, not knowledge. So in direct language, in being very very upfront towards you. Do you think that a Sultan want to see a real human? Or hear from a real human? Maybe a Sultan would want a 1 million, 2 millions, 3 millions, 4 millions, 5 millions. Do you think in Malaysia a Sultan wants to help Indian Chinese Malays wholeheartedly? That you must ask the Sultan wants to help la because a Sultan if they can be Malaysians and they can help all races. Perlis would never have the kidnappings of in Pastors. In Kelantan, you never have so many hundreds of bodies dying over there being aaa ... I mean being thrown la near the border. In Pahang, you wouldn't have pollution that is very very bad but, in every world, or in every country, you will have people lead about money and not humanity." dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain, yang telah dilihat pada 19 Februari 2019 jam lebih kurang 9 pagi di No. 9, Lapangan Perdana 30, Panorama Lapangan Perdana, Kampung Rapat, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan boleh dihukum di bawah seksyen 233(3) Akta yang sama.

[7] Manakala pertuduhan kedua di bawah s. 504 KK adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 15 Februari 2016 jam lebih kurang 11.52 malam melalui perkhidmatan aplikasi Facebook dengan menggunakan laman profil "Arunakiri Nathan II" di pautan https://www.facebook.com/arunakiri.nathanii/videos/121300272274558/. Telah dengan sengaja mengaibkan orang Melayu dan agama Islam dengan membuat kenyataan seperti berikut iaitu "Zakir Naik can actually con all Malays ... Malaysians. Zakir Naik can cheat all the Sultans. You know why? Don't blame Sultan or don't blame the Malays. Malay Muslim because there is a rule of law where they cannot learn more. They canot have higher IQ. They must follows UMNO or PAS. So if you take the Sultans right, its billions going

to them. Aaa ... its on money, not knowledge. So in direct language, in being very very upfront towards you. Do you think that a Sultan want to see a real human? Or hear from a real human? Maybe a Sultan would want a 1 million, 2 millions, 3 millions, 4 millions, 5 millions. Do you think in Malaysia a Sultan wants to help Indian Chinese Malays wholeheartedly? That you must ask the Sultan wants to help la because a Sultan if they can be Malaysians and they can help all races. Perlis would never have the kidnappings of in Pastors. In Kelantan, you never have so many hundreds of bodies dying over there being aaa ... I mean being thrown la near the border. In Pahang, you wouldn't have pollution that is very very bad but in every world or in every country, you will have people lead about money and not humanity." yang telah dilihat oleh Abdul Hadi Akmal Bin Khairol Nizam (No. KP 900822-05-5611) di No. 9, Lapangan Perdana 30, Panorama Lapangan Perdana, Kampung Rapat, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak dan dengan jalan demikian itu, mendatangkan bangkitan marah kepada Abdul Hadi Akmal Bin Khairol Nizam (No. KP 900822-05-5611) dengan mengetahui mungkin bahawa bangkitan marah itu akan menyebabkan memecahkan keamanan awam. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan.

Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh OKT Di Dalam Petisyen Rayuan

[8] Pihak OKT berpendirian bahawa Puan Hakim Mahkamah Sesyen (selepas ini disebut HMS) yang bijaksana telah terkhilaf apabila memutuskan OKT didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT. Kekhilafan HMS dapat dirumuskan seperti di antara lain seperti berikut:

(i) gagal memberi pertimbangan hak kebebasan bersuara OKT di bawah per. 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan;

(ii) gagal mempertimbangkan bahawa video OKT diedarkan oleh orang lain dan bukan OKT;

(iii) gagal mempertimbangkan bahawa video yang dikatakan telah dimuat naik di aplikasi Facebook OKT yang berkunci tidak dikongsi kepada sesiapa dan live video yang dibuat di akaun berkunci ianya bukan dibuat untuk membangkitkan marah sehingga memecahkan keamanan dan bukan satu perbincangan yang berbahaya;

(iv) gagal mempertimbangkan perkataan "Sultan" dimaksudkan bukanlah membawa maksud sultan-sultan di Malaysia;

(v) apabila memutuskan pembelaan OKT bersifat penafian semata-mata; dan

(vi) pihak pendakwaan mengenakan pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta 588 dan s. 504 KK yang merupakan pertuduhan yang bertindih.

A **Dapatan Dan Keputusan**

[9] Prinsip asas dalam memberi pertimbangan ke atas sesuatu rayuan adalah mahkamah yang mendengar dan memberi pertimbangan ke atas sesuatu rayuan perlu berhati-hati dan sukar untuk membuat perubahan ke atas keputusan berdasarkan fakta yang dibuat oleh mahkamah yang B menjalankan perbicaraan penuh. Mahkamah di peringkat rayuan juga tidak sepatutnya mengganggu dapatan fakta hakim bicara melainkan wujudnya kesilapan yang ketara telah dilakukan oleh hakim bicara. Prinsip ini telah ditekankan dalam kes *P'ng Hun Sun v. Dato' Yip Yee Foo* [2013] CLJU 320; [2013] 1 LNS 320, apabila Mahkamah Rayuan menyatakan:

C

> When the finding of the trial judge is factual, however, the fact finder's decision cannot be disturbed on appeal unless the decision of the fact finder is plainly wrong (see *China Airline Ltd v. Maltran Air Corp Sdn Bhd & Another Appeal* [1996] 3 CLJ 163); *Zaharah bt A. Kadir v. Ramuna Bauxite Pte Ltd & Anor* [2011] 1 LNS 1015, *Kyros International Sdn Bhd. v. Ketua* D *Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2013] 1 LNS 1). The findings of fact of the trial judge can only be reversed when it is positively demonstrated to the appellate court that:
>
> (a) by reason of some non-direction or mix-direction or otherwise the judge erred in accepting the evidence which he or she did accept; or
>
> E
>
> (b) in assessing and evaluating the evidence the judge has taken into account some matter which he or she ought not to have taken into account, or failed to take into account some matter which he or she ought to have taken into account; or
>
> F (c) it unmistakenly appears from the evidence itself, or from the unsatisfactory reasons given by the judge for accepting it, that he or she cannot have taken proper advantage of his or her having seen and heard the witnesses' or
>
> (d) in so far aside judge has relied on manner and demeanour, there are other circumstances which indicate that the evidence of the G witnesses which he or she accepted is not credible, as for instance, where those witnesses have on some collateral matter deliberately given an untrue answer.

[10] Dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut:

H

> Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh*'s case (*supra*) "there I are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding." Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s. 87 CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

[11] Dalam situasi tertentu, mahkamah yang mendengar rayuan boleh campur tangan atau mengubah keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah yang menjalankan perbicaraan sekiranya keputusan yang dibuat itu adalah berdasarkan anggapan atau andaian yang mana Tan Chiaw Thong J telah memberikan panduan yang boleh diikuti dalam kes *PP v. Abang Abdul Rahman* [1981] CLJU 169; [1981] 1 LNS 169 seperti berikut:

> The learned trial magistrate in his judgment gave no indication that he disbelieved PW5 and PW6, and he made no finding of fact on the material disputed matters referred to above. Certainly, he compared the respective testimonies off PW5 and PW6, and the respondent and, because "PW6 under cross-examination admitted that anything in English is dealt with by his employees" he found that "This court can see no way in which PW5 can accept the cheque as settlement of the accused's debt". The learned trial magistrate did not say in his judgment that he disbelieved PW5 and PW6. As seems to be the case the basis of this finding was the drawing of inferences from the relevant evidence in the trial. However, for the reasons already given, this basis is not legally sound, and an appellate court can certainly interfere with this finding based on inferences. Even of matters of fact, an appellate court can interfere in appropriate cases, but such cases are not common and an appellate court, before reaching its conclusion upon matters of fact, should and will always give proper weight and consideration to such matters as (1) the view a of the trial judge as to be credibility of the witnesses; (2) the presumption of innocence in favour of the accused, a presumption certainly not weakened by the fact that he has been acquitted at his trial; (3) the right of the accused to the benefit of any doubt; and (4) the slowness of an appellate court in disturbing a finding of fact arrived at by a judge who had the advantage of seeing the witnesses.

[12] Berasaskan kepada prinsip undang-undang yang telah dinyatakan dalam kes-kes yang dirujuk di atas, maka adalah penting untuk mahkamah memberi pertimbangan semula ke atas alasan-alasan keputusan yang telah dibuat oleh HMS ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh OKT dalam rayuan ini. Sekiranya wujud kesilapan ketara yang telah dilakukan oleh HMS sehingga boleh menyebabkan suatu ketidakadilan yang serius berlaku dalam keputusan tersebut, maka mahkamah ini adalah berkewajipan untuk mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh HMS itu.

[13] Mahkamah ini juga akan membuat analisa ke atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pihak OKT dalam memberi pertimbangan ke atas isu-isu yang dihujahkan oleh pihak OKT.

Gagal Memberi Pertimbangan Hak Kebebasan Bersuara OKT Di Bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan

[14] Peguam cara terpelajar OKT berhujah bahawa tindakan OKT adalah di bawah hak Perlembagaan OKT untuk kebebasan bersuara dan menyuara pendapat beliau semata-mata yang menjadi asas demokrasi. Sekiranya OKT

didapati bersalah dan disabitkan, ianya akan memberi kesan yang menghalang rakyat Malaysia untuk menyuarakan pendapat tanpa rasa gentar atau takut kepada tindakan sivil dan jenayah.

[15] Mahkamah ini merujuk kepada per. 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:

(2) Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan:

(a) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), *apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya,* hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, kesalahan; atau *pengapian apa-apa kesalahan.*

(penekanan ditambah)

[16] Mahkamah ini berpendapat bahawa OKT telah melakukan kesalahan mengeluarkan pernyataan yang jelik di bawah s. 233(1)(a) Akta 588 dan menyakitkan hati sehingga mendatangkan marah di bawah s. 504 KK yang mana hak kebebasan bersuara adalah terbatas dan tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.

[17] Seksyen 233(1)(a) Akta 588 memperuntukkan seperti berikut:

233 Improper use of network facilities or network service, *etc*.

(1) A person who:

(a) by means of any network facilities or network service or applications service knowingly:

(i) makes, creates or solicits; and

(ii) initiates the transmission of,

any comment, request, suggestion or other communication which is obscene, indecent, false, menacing or offensive in character with intent to annoy, abuse, threaten or harass another person; or

(b) initiates a communication using any applications service, whether continuously, repeatedly or otherwise, during which communication may or may not ensue, with or without disclosing his identity and with intent to annoy, abuse, threaten or harass any person at any number or electronic address,

commits an offence.

(2) A person who knowingly:

(a) by means of a network service or applications service provides any obscene communication for commercial purposes to any person; or

(b) permits a network service or applications service under the person's control to be used for an activity described in paragraph (a),

commits an offence.

(3) A person who commits an offence under this section shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and shall also be liable to a further fine of one thousand ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

[18] Di bawah s. 233(1) Akta 588, terdapat tiga elemen pertuduhan di dalam kes ini yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan seperti berikut:

(i) OKT telah menggunakan aplikasi laman profil "Facebook" miliknya untuk memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi iaitu internet;

(ii) OKT secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komen yang jelik sifatnya; dan

(iii) dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain.

[19] Seksyen 504 Kanun Keseksaan (KK) memperuntukkan seperti berikut:

504 Intentional insult with intent to provoke a breach of the peace.

Whoever intentionally insults, and thereby gives provocation to any person, intending or knowing it to be likely that such provocation will cause him to break the public peace, or to commit any other offence, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both.

[20] Manakala bagi s. 504 KK terdapat tiga elemen pertuduhan di bawah seksyen ini yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan seperti berikut:

(i) OKT telah memulakan penghantaran komen tersebut dengan sengaja mengaibkan;

(ii) OKT telah memulakan penghantaran komen tersebut bagi mendatangkan kebangkitan marah kepada mana-mana orang; dan

(iii) OKT telah memulakan penghantaran komen tersebut dengan maksud memecahkan keamanan awam.

[21] Sehubungan dengan peruntukan di atas, maka kebebasan bersuara ada had dan batasnya sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan itu sendiri. Maka, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen-elemen yang telah ditetapkan dalam s. 233(1)(a) Akta 588 dan s. 504 KK dengan mengemukakan keterangan-keterangan dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang akan dibincangkan selepas ini.

Gagal Mempertimbangkan Bahawa Video OKT Diedarkan Oleh Orang Lain Dan Bukan OKT; Gagal Mempertimbangkan Bahawa Video Yang Dikatakan Telah Dimuat Naik Di Aplikasi Facebook OKT Yang Berkunci Tidak Dikongsi Kepada Sesiapa Dan Live Video Yang Dibuat Di Akaun Berkunci Ianya Bukan Dibuat Untuk Membangkitkan Marah Sehingga Memecahkan Keamanan Dan Bukan Satu Perbincangan Yang Berbahaya; Dan Gagal Mempertimbangkan Perkataan "Sultan" Dimaksudkan Bukanlah Membawa Maksud Sultan-sultan Di Malaysia

[22] Peguam OKT berhujah bahawa HMS gagal memutuskan bahawa video yang diambil adalah daripada profil OKT sendiri maka jelas video tersebut yang dibuat di akaun berkunci tidak pernah disebarkan untuk tontonan awam dengan niat untuk menyebabkan kacau ganggu kepada keharmonian dan keamanan awam. 'Live video' dalam pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT adalah satu perbincangan dan bukan untuk mengaibkan mana-mana pihak dan tidak berbahaya.

[23] Mahkamah ini telah meneliti alasan penghakiman HMS yang telah membuat dapatan berasaskan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan termasuk dokumen-dokumen yang telah diekshibitkan dan dikaitkan dengan elemen-elemen pertuduhan.

[24] Mahkamah ini dapati bahawa elemen pertama yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah OKT telah menggunakan aplikasi laman profil "Facebook" miliknya untuk memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi iaitu internet.

[25] Berdasarkan keterangan saksi SP1, pada 19 Februari 2019 jam lebih kurang 9 pagi, SP1 telah dapat melayari video berdurasi 44 minit 12 saat di profil "Facebook" Arunakiri Nathan II. Ekoran daripada itu, hasil risikan oleh SP3, didapati pemilik akaun dan pengendali akaun tersebut adalah Arunakiri Nathan iaitu OKT sendiri.

[26] Mahkamah merujuk kepada s. 114A Akta Keterangan 1950 di mana anggapan statutori terpakai terhadap OKT berdasarkan kepada keterangan dan siasatan di atas. Seksyen 114A Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

Presumption of fact in publication

114A(1) A person whose name, photograph or pseudonym appears on any publication depicting himself as the owner, host, administrator, editor or sub-editor, or who in any manner facilitates to publish or re-publish the publication is presumed to have published or re-published the contents of the publication unless the contrary is proved.

(2) A person who is registered with a network service provider as a subscriber of a network service on which any publication originates from is presumed to be the person who published or re-published the publication unless the contrary is proved.

(3) Any person who has in his custody or control any computer on which any publication originates from is presumed to have published or re-published the content of the publication unless the contrary is proved.

(4) For the purpose of this section:

(a) "network service" and "network service provider" have the meaning assigned to them in section 6 of the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588]; and

(b) "publication" means a statement or a representation, whether in written, printed, pictorial, film, graphical, acoustic or other form displayed on the screen of a computer.

[27] Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada s. 114A(1) Akta Keterangan ini, OKT boleh dianggap telah membuat dan memulakan komunikasi secara 'live' dan seterusnya memuat naikkan di laman akaun "Facebook" profil Arunakiri Nathan II kerana keterangan-keterangan menunjukkan bahawa akaun "Facebook" profil Arunakiri Nathan II di mana terdapatnya 'live' tersebut telah dimuat naikkan adalah milik OKT. Di samping itu, OKT telah dikenal pasti oleh SP1 sebagai orang di dalam 'live' tersebut.

[28] Elemen kedua yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah OKT secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komen yang jelik sifatnya. Ini adalah berdasarkan kepada keterangan SP1 yang mana adalah jelas bahawa SP1 telah melihat dan mendengar OKT secara 'live' telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan berikut:

> Zakir Naik can actually con all Malays ... Malaysians. Zakir Naik can cheat all the Sultans. You know why? Don't blame Sultan or don't blame the Malays. Malay Muslim because there is a rule of law where they cannot learn more. They canot have higher IQ. They must follows UMNO or PAS. So if you take the Sultans right, its billions going to them. Aaa ... its on money, not knowledge. So in direct language, in being very very upfront towards you. Do you think that a Sultan want to see a real human? Or hear from a real human? Maybe a Sultan would want a 1 million, 2 millions, 3 millions, 4 millions, 5 millions. Do you think in Malaysia a Sultan wants to help Indian Chinese Malays wholeheartedly? That you must ask the Sultan wants to help la because a Sultan if they can be Malaysians and they can help all races. Perlis would never have the kidnappings of in Pastors. In Kelantan, you never have so many hundreds of bodies dying over there being aaa ... I mean being thrown la near the border. In Pahang, you wouldn't have pollution that is very very bad but, in every world, or in every country, you will have people lead about money and not humanity.

[29] Sekiranya diamati secara mendalam dan teliti, adalah jelas bahawa kenyataan-kenyataan dimuat naik ini adalah merupakan ungkapan yang bersifat jelik yang mana ianya menghina para Sultan dan orang-orang Melayu di negara ini. Sultan tidak dapat membuat pertimbangan yang adil dan tidak mahu membantu masyarakat Cina dan India sepenuh hati. Negeri Perlis, Kelantan dan Pahang telah dikaitkan dengan kejadian yang tidak diingini.

[30] Elemen yang terakhir yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah OKT secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komen yang jelik sifatnya dan dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain. Berdasarkan keterangan SP1, ternyata bahawa beliau sendiri telah menyatakan bahawa kenyataan-kenyataan atau komen yang dikeluarkan oleh

A OKT ini adalah berniat untuk menyakitkan hati orang lain di mana SP1 sendiri juga menyatakan bahawa beliau juga berasa sangat sakit hati dan marah dengan kenyataan OKT tersebut.

[31] Mahkamah merujuk kepada kes *PP v. Rutinin Suhaimin* [2013] 2 CLJ 427 yang telah diputuskan seperti berikut:

B

> [17] As for evidence in respect of intention, it is always a matter of inference. From the fact that an offensive remark pertaining to the HRH Sultan of Perak had been posted on the online visitor book, it can be inferred that the accused had intended to cause annoyance. It is also unnecessary to call the victim of the annoying remark to the witness
> C stand. Section 233(1)(b) does not say that the victim of the offence must actually feel annoyed or abused. The provision only says that the offender must have intention to annoy or abuse. Therefore it is sufficient if the communication in question has the tendency to cause annoyance or abuse to any person. The posting in question says that the HRH Sultan of Perak is "gila" (mad). Although, HRH was not called to testify, it is
> D obvious that such a remark is intended to cause annoyance. Lest it be forgotten, the remark was not posted in a private internet chat session but on the online visitor book of the home page of HRH. Therefore, the prosecution had tendered sufficient inferential evidence to prove intention.

E **[32]** Prinsip kes *Rutinin Suhaimin* ini telah diterima pakai di dalam kes Mahkamah Tinggi Ipoh iaitu kes *Mohd Fahmi Reza Mohd Zarin lwn. PP* [2019] CLJU 120; [2019] 1 LNS 120 di ms. 20 kes:

> [30] Secara ringkasnya, prinsip yang diputuskan dalam kes *PP v. Rutinin Suhaimin* (*supra*) itu, yang saya terima pakai bagi maksud kes Perayu ini,
> F adalah seperti berikut:
>
> (i) elemen kedua dan ketiga dalam pertuduhan terhadap Perayu ini hanya perlu dibuktikan secara inferens:
>
> (ii) seksyen 233(1)(a) tiada memperuntukkan kehendak atau keperluan memanggil orang yang menjadi mangsa kepada
> G komunikasi yang menyakitkan hati itu;
>
> (iii) seksyen 233(1)(a) itu juga tidak menyebut bahawa orang yang mengatakan komunikasi tersebut menimbulkan sakit hati atau marah kepadanya mesti membuktikan keadaan marah atau sakit hatinya itu;
>
> H (iv) adalah memadai jika dibuktikan kepada Mahkamah bahawa komunikasi itu mempunyai kecenderungan untuk menyebabkan kemarahan atau sakit hati kepada orang.
>
> [31] Mahkamah ini berpuas hati bahawa keterangan SP1, SP4 dan SP6 telah berjaya tanpa apa-apa keraguan munasabah untuk mewujudkan dan
> I membuat suatu inferens bahawa komunikasi yang dibuat oleh Perayu itu menyakitkan hati dan mempunyai kecenderungan untuk menyebabkan kemarahan atau sakit hati kepada orang lain.

[33] OKT telah memuat naik kenyataan-kenyataan yang jelas secara 'live' di laman "Facebook" miliknya dan semestinya OKT berniat untuk menyakiti hati orang lain, OKT sedar bahawa "Facebook" merupakan satu platform media yang akan dilayari oleh ramai orang dari masa ke masa yang mana laman "Facebook" OKT dilayari oleh 2,100 pengunjung.

[34] Bagi pertuduhan kedua di bawah s. 504 KK, pihak pendakwaan perlu membuktikan tiga elemen seperti yang dinyatakan oleh mahkamah sebelum ini.

[35] Elemen pertama ialah OKT telah memulakan penghantaran komen tersebut dengan sengaja mengaibkan. HMS telah merujuk kepada keterangan SP1 serta video yang ditayangkan di mahkamah semasa perbicaran, dan membuat dapatan bahawa OKT telah mengeluarkan kenyataan yang berbentuk tohmahan dan penghinaan terhadap Sultan dan orang Melayu. Kenyataan-kenyataan tersebut adalah seperti berikut:

> Don't blame Sultan or don't blame the Malays. Malay Muslim because there is a rule of law where they cannot learn more. They cannot have higher IQ. They must follows UMNO or PAS …
>
> Maybe a Sultan would want a 1 million, 2 millions, 3 millions, 4 millions, 5 millions.
>
> Do you think in Malaysia a Sultan wants to help Indian Chinese Malays wholeheartedly.

[36] Mahkamah ini berpendapat bahawa kenyataan-kenyataan ini telah mengaibkan Sultan khususnya dan orang Melayu amnya. OKT dalam pembelaannya mengatakan bahawa Sultan yang dimaksudkan bukan terdiri dari Sultan di negeri-negeri di Malaysia.

[37] Mahkamah berpendapat bahawa apabila dibaca dan diteliti keseluruhan kenyataan yang dimuat naik oleh OKT yang mana jelas memaparkan bahawa Sultan yang dimaksudkan adalah Sultan-Sultan di negeri-negeri di Malaysia dan bukannya di negara lain.

[38] Elemen kedua ialah OKT telah memulakan penghantaran komen tersebut bagi mendatangkan kebangkitan marah kepada mana-mana orang. Mahkamah ini merujuk kepada keterangan SP1 yang di dalam keterangannya secara jelas menegaskan bahawa beliau berasa marah dan tersinggung apabila mendengar kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh OKT di dalam videonya itu.

[39] Seterusnya, sekiranya diamati kenyataan-kenyataan itu yang dibaca oleh mana-mana orang terutamanya orang Melayu di negara ini, ianya sudah tentu akan membangkitkan kemarahan kepada orang-orang Melayu memandangkan perkataan-perkataan yang telah digunakan oleh OKT seperti:

> Malay Muslim … they cannot learn more. They canot have higher IQ. They must follows UMNO or PAS
>
> … Do you think in Malaysia a Sultan wants to help Indian Chinese Malays wholeheartedly?

[40] Dapat dirumuskan bahawa orang-orang Melayu di Malaysia malas belajar dan tidak mempunyai daya fikiran yang tinggi dan sentiasa menurut telunjuk kehendak parti Melayu iaitu UMNO dan PAS. Memandangkan kedudukan Sultan-Sultan yang merupakan ketua agama Islam di setiap negeri dan sangat dihormati oleh orang Melayu maka, dengan mengatakan Sultan tidak mahu membantu kaum India dan Cina di negara ini adalah satu tohmahan yang tidak dapat diterima oleh Sultan khususnya dan orang Melayu amnya. Kenyataan-kenyataan ini sememangnya tidak berasas dan membangkitkan kemarahan orang Melayu.

[41] Elemen ketiga ialah OKT telah memulakan penghantaran komen tersebut dengan maksud memecahkan keamanan awam. HMS berpendapat bahawa elemen ini adalah saling berkaitan dengan elemen mendatangkan kebangkitan marah di atas. Apabila kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh OKT dapat membangkitkan kemarahan orang lain, maka secara tidak langsung boleh menggugat keamanan serta memecah belahkan perpaduan kaum. Tambahan pula, di negara yang terdapatnya pelbagai kaum seperti Malaysia.

[42] Merujuk kepada kes *Liau Choy Wan v. PP* [2017] 10 CLJ 649 yang mana Yang Arif telah menyatakan seperti berikut:

> It continues to state that it requires an intention to insult and thereby to give provocation to the person insulted and an intention that such provocation is likely to cause the person so insulted to break the public peace or commit any other offence ... such abusive comments could lead to severe repercussions that are likely to cause a breach of peace …
>
> This is all the more so in the context of the multi-racial society in which we exist. The possibility of racial unrest occurring cannot be underestimated or ignored.

[43] Sekiranya dihayati kenyataan-kenyataan OKT yang dimuat naik itu, penghinaan yang amat ketara yang telah dilontarkan oleh OKT kepada orang Melayu dan Sultan dan dikatakan masyarakat Cina dan India tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada pemerintah di negeri-negeri. Jelas di sini bahawa OKT mempunyai niat untuk mewujudkan ketegangan kaum di negara ini yang mana kenyataan-kenyataan yang berbentuk provokasi boleh menyebabkan berlakunya pergaduhan di antara kaum dan boleh memecahkan keamanan awam sekiranya dibiarkan.

[44] Mahkamah ini telah meneliti alasan penghakiman HMS dan berpendapat bahawa HMS telah memberi pertimbangan ke atas pembelaan-pembelaan OKT melalui pemeriksaan balas yang dilakukan ke atas saksi-saksi pendakwaan. HMS telah memenuhi kehendak-kehendak yang dituntut di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 dan kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 dalam membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya

membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT di atas pertuduhan-pertuduhan dan oleh itu, OKT dipanggil untuk membela diri terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut.

HMS Memutuskan Bahawa Pembelaan OKT Bersifat Penafian Semata-mata

[45] Mahkamah ini bersetuju dangan HMS yang membuat keputusan bahawa pembelaan OKT merupakan pembelaan berbentuk penafian semata-mata. Keterangan atau penjelasan yang diberikan oleh OKT dalam pembelaannya hendaklah dipertimbangkan bersama-sama keseluruhan keterangan dalam kes ini seperti yang dijelaskan dalam kes *Saminathan & Ors v. PP* [1955] CLJU 138; [1955] 1 LNS 138; *Mat v. PP* [1963] CLJU 82; [1963] 1 LNS 82.

[46] Di peringkat pembelaan, HMS telah memberi pertimbangan bahawa OKT menyatakan yang beliau tiada pengetahuan berkaitan muat naik video tersebut. Namun apabila beliau menyatakan bahawa video tersebut adalah dibuat secara "mode private" dan tiada akses diberikan kepada mana-mana orang lain, menunjukkan secara tidak langsung OKT sebenarnya mempunyai pengetahuan berkaitan muat naik video tersebut. Pembelaan OKT yang menyatakan bahawa video tersebut adalah dimuat naik secara tertutup tidak dapat menyangkal keterangan saksi pihak pendakwaan yang jelas dapat menunjukkan bahawa video tersebut telah dimuat naik, dilihat, dikomen dan di'like' oleh orang awam. Jika pembelaan OKT adalah benar, sudah pasti video OKT ini tidak akan dapat dilihat oleh SP1 dan orang awam yang lain. Selanjutnya, keterangan OKT dan saksi pendakwaan adalah selari dalam menyatakan bahawa OKT adalah pengendali akaun "Facebook" Arunakiri Nathan II yang telah memuat naikkan video tersebut.

[47] Walaupun pembelaan OKT menyatakan bahawa video tersebut telah disunting dan disebarkan, namun OKT tidak dapat menunjukkan kepada mahkamah bahagian manakah yang dikatakan telah disunting pada video tersebut serta tiada sebarang keterangan dikemukakan bagi menyokong pembelaan beliau ini.

[48] Apabila OKT memberi penjelasan bahawa dia tidak berniat sedemikian apabila memuat naikkan video tersebut, HMS merasakan keganjilan pada penjelasan tersebut. Ini adalah kerana sekiranya OKT tidak berniat untuk menyakiti hati sesiapa, jadi apakah tujuan dia mengeluarkan kenyataan-kenyataan sedemikian, serta menyebut nama Sultan dan orang Melayu Islam secara 'live' dalam video tersebut dan seterusnya memuat naikkan video tersebut dalam tetapan umum (public) di akaun Facebooknya? Jelas pembelaan OKT yang menyatakan video tersebut dimuat naik bukan bertujuan untuk menyakitkan hati atau mencetuskan kemarahan mana-mana orang dan seterusnya menggugat keamanan awam di negara ini, adalah tidak dapat diterima.

[49] Mahkamah ini berpendapat bahawa pembelaan OKT amat minima dan tidak sama sekali menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan, malah keterangan pihak pembelaan tidak lebih dari penafian semata-mata, yang tidak boleh diterima oleh mahkamah ini sebagai keraguan yang munasabah. Inilah prinsip yang diputuskan dalam kes *PP v. Nur Hassan Salip Hashim & Anor* [1993] 2 CLJ 551. Adalah menjadi suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa penafian bukanlah suatu pembelaan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Prinsip ini diputuskan dalam kes *Losali v. PP* [2012] 2 CLJ 178 dan kes *Rahani Ahmad lwn. PP* [2013] CLJU 1536; [2013] 1 LNS 1536.

Pihak Pendakwaan Mengenakan Pertuduhan Di Bawah Seksyen 233(1)(a) Akta 588 Dan Seksyen 504 KK Yang Merupakan Pertuduhan Yang Bertindih

[50] Peguam bela terpelajar OKT berhujah bahawa kedua-dua pertuduhan terhadap OKT adalah bertindih dan membawa maksud yang sama lantas menjadikannya bahaya berganda (double jeopardy) dan telah memprejudiskan OKT.

[51] Mahkamah merujuk kepada elemen-elemen yang terdapat di dalam kedua-dua pertuduhan sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Mahkamah berpendapat terdapat kelainan atau perbezaan berkaitan elemen-elemen di dalam pertuduhan-pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta 588 dan s. 504 KK yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[52] Selain daripada itu, mahkamah merujuk kepada per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan yang telah memperuntukkan bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa budi bicara bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding mengenai suatu kesalahan selain daripada prosiding di Mahkamah Syariah. Manakala, kedudukan Peguam Negara selaku Pendakwa Raya disebutkan secara khusus dalam s. 376(1) Kanun Tatacara Jenayah yang bertanggungjawab ke atas semua prosiding jenayah di Malaysia.

[53] Dalam kes *Long Samat v. PP* [1974] CLJU 80; [1974] 1 LNS 80; [1974] 2 MLJ 152, mahkamah memutuskan bahawa Pendakwa Raya mempunyai budi bicara untuk menetapkan apa jua pertuduhan yang difikirkan sesuai terhadap seseorang tertuduh dan mahkamah tidak ada kuasa untuk mengganggu budi bicara tersebut. Begitu juga dalam kes *Karpal Singh & Anor v. PP* [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183; [1991] 2 MLJ 544, di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa kuasa budi bicara Peguam Negara di bawah per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan itu adalah muktamad dan tidak boleh disoal atau digantikan oleh kuasa budi bicara mahkamah.

[54] Bersandarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa tidak dapat dibuktikan bahawa wujudnya bahaya berganda dalam mengenakan pertuduhan-pertuduhan tersebut ke atas OKT.

[55] Setelah meneliti rekod rayuan (semua keterangan dan dokumen), alasan penghakiman dan setelah memberi pertimbangan ke atas hujahan bertulis dan hujahan lisan, mahkamah ini berpendapat bahawa rayuan OKT ke atas sabitan adalah tidak bermerit dan dengan ini ditolak.

Rayuan Jenayah No: AA-42CY-3-06-2022

[56] Ini merupakan rayuan pihak pendakwaan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh HMS ke atas OKT. Perayu iaitu pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan hukuman-hukuman yang diberikan oleh HMS iaitu denda RM10,000 jika gagal bayar enam bulan penjara bagi pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta 588 dan lima hari penjara dan denda RM5,000 jika gagal bayar tiga bulan penjara bagi pertuduhan di bawah s. 504 KK.

[57] Pihak pendakwaan menegaskan bahawa hukuman yang diberikan oleh HMS ke atas OKT adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya. Pihak pendakwaan memohon agar mahkamah ini menggunakan budi bicara untuk menaikkan hukuman sedia ada sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 316(b)(ii) Kanun Tatacara Jenayah.

[58] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa video yang dimuat naik oleh OKT melalui aplikasi "Facebook" adalah sesuatu yang sensitif dan secara langsung OKT telah dengan sedar membuat satu komen yang jelik atau komen yang tidak baik terhadap Sultan, bangsa Melayu dan ianya bukanlah perbincangan ilmiah seperti yang didakwa oleh OKT. Video tersebut telah ditonton oleh SP1 dan ianya menimbulkan kemarahan serta sakit hati setelah SP1 menonton video tersebut. Keterangan SP1 semasa pemeriksaan utama adalah 'Saya buat laporan polis kerana pernyataan itu bersifat penghinaan kepada orang Melayu dan Sultan. Saya sangat rasa sakit hati dan marah kerana saya seorang Melayu, tinggal di Malaysia dan Sultan adalah orang Melayu. Pernyataan lelaki itu di dalam video adalah tidak baik kerana ianya perkataan negative dan cetuskan emosi perasaan marah. Sultan yang dinyatakan oleh lelaki itu dalam video tersebut, saya percaya dalam konteks Malaysia.'

[59] Berdasarkan keterangan SP1 ini adalah jelas bahawa video yang dimuat naik oleh OKT telah mengganggu emosi SP1 atau sesiapa sahaja yang melihatnya kerana ianya mengandungi perkara-perkara yang negatif yang boleh memecahkan keharmonian masyarakat. Oleh itu, hukuman yang setimpal dengan perbuatan OKT di dalam kes ini perlulah diambil serius oleh mahkamah dalam menentukan hukuman yang sewajarnya.

[60] Manakala, pihak OKT berhujah bahawa ini adalah kesalahan pertama OKT, OKT telah insaf dan OKT tidak berniat untuk menyakiti hati sesiapa terutama sekali orang Melayu dan Sultan.

[61] Dalam memberi pertimbangan ke atas rayuan ini, prinsip undang-undang yang mantap berkaitan dengan rayuan ke atas hukuman adalah mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan hukuman yang telah dijatuhkan itu berlawanan dengan prinsip-prinsip hukuman atau berlawanan dengan undang-undang. Dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] CLJU 139; [1981] 1 LNS 139, Raja Azlan Shah, Hakim Mahkamah Persekutuan telah berkata seperti berikut:

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v. Jamieson* [1952] ac 525 at 549). It is for the reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentence; whilst others equally conscientious have thought in their duty to view the same crimes the leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judges. It is for the reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, *per se*, to warrant this court's interference.

[62] Nada yang sama telah diucapkan oleh YA Azahar Mohamed JCA (pada ketika itu) dalam kes *PP lwn. Ramakrishnan Subramaniam & Ors* [2012] 9 CLJ 443 seperti berikut:

> Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu. Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa Mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar hukuman melainkan ianya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah atau pun tidak merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa Mahkamah tersebut jelas tersalah didalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian

hukuman. Prinsip undang-undang yang menentukan kawalan dan semakan keputusan berkaitan dengan hukuman telah digariskan dengan jelas dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. P* P[1981] 1 LNS 139 dan kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457.

[63] Mahkamah ini juga tertarik kepada kes-kes yang dirujuk dalam kes *PP v. Nguyen Thi Huong* [2015] 2 CLJ 102, yang mana menjelaskan prinsip-prinsip sebagaimana berikut:

> Principle regarding appellate interference of sentence. The principles regarding appellate interference of sentences imposed have been set out in the case of *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 AMR 3101; [2002] 3 MLJ 193 as follows:
>
> > It is of utmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence, see *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256.
>
> In the case of *PP v. Loo Choon Fatt* referred to above it was held as follows:
>
> > The principles to be applied in imposing sentence however are the same in every case. The high court sitting in the exercise of its revisionary powers will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence of the lower court is either manifestly inadequate or grossly excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed on the record or to all the facts which the ought to take judicial notice of, that is to say, that the lower court clearly has erred in applying the correct principles in the assessment of the sentence. It is a firmly established practice that the court will not alter sentence merely because it might have passed a different sentence.

[64] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas bahawa setakat ini tiada penetapan kadar hukuman yang wajar dikenakan oleh mahkamah dalam satu kesalahan jenayah. Tiada garis panduan berkenaan hukuman dikeluarkan dalam bentuk panduan hukuman ("sentencing guidelines").

[65] Apa yang ada adalah kadar hukuman minimum atau maksimum dinyatakan di dalam undang-undang bertulis berkenaan. Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman yang dinyatakan dalam lingkungan hukuman dalam undang-undang tersebut.

[66] Oleh yang demikian, mahkamah perlu menjatuhkan hukuman dalam lingkungan tersebut dengan mengambil kira prinsip-prinsip penghukuman seperti umur tertuduh, latar belakang tertuduh, faktor peringanan dan pemberatan hukuman. Di samping, itu prinsip-prinsip berkenaan dengan tujuan hukuman sebagai pencegahan, balasan dan kepentingan awam.

[67] Mahkamah ini berpendapat adalah wajar untuk mahkamah ini meneliti bahagian-bahagian penting yang terdapat dalam alasan penghakiman HMS dan menilai sama ada prinsip undang-undang berkaitan dengan hukuman telah diberi pertimbangan sewajarnya oleh HMS.

[68] Puan HMS telah mengambil kira faktor bahawa OKT tiada sabitan lampau seperti yang dinyatakan di perenggan 2 alasan penghakiman di ms. 54 dan 77, Jilid 1 Rekod Rayuan. Dari pemerhatian mahkamah ini ke atas alasan HMS menjatuh hukum ke atas OKT, hanya mitigasi ini sahaja yang dipertimbangkan oleh HMS. Selebihnya, HMS mempertimbangkan hujahan pihak pendakwaan yang antara lain memohon hukuman yang berat dan berbentuk deterrent dijatuhkan ke atas OKT atas alasan kesalahan yang dilakukan oleh OKT di dalam kes ini adalah serius dan kerap terjadi pada masa kini. Oleh itu, HMS mengatakan bahawa beliau perlu memberikan satu hukuman yang boleh menunjukkan kepada OKT khasnya dan juga masyarakat amnya bahawa mahkamah memandang serius terhadap kesalahan yang dilakukan oleh OKT ini.

[69] Mahkamah ini berpendapat bahawa ketika kejadian, OKT berumur 38 tahun dan ini bermakna beliau adalah seorang dewasa serta matang. OKT sepatutnya tahu bahawa memulakan satu komunikasi dengan membuat video melalui aplikasi "Facebook" yang jelik sifatnya dan dengan niat untuk menyakiti hati orang lain adalah satu kesalahan yang serius. Tambahan pula, hantaran yang dibuat oleh OKT adalah berbaur penghinaan kepada Sultan dan kaum Melayu. Jika dinilai gaya bahasa yang digunakan di dalam video melalui aplikasi "Facebook" yang dibuat oleh OKT, beliau adalah seorang yang waras dan berpendidikan.

[70] OKT sepatutnya lebih berhati-hati semasa membuat apa-apa hantaran melalui aplikasi di media sosial lebih-lebih lagi di dalam kes ini, pengataan-pengataan OKT dibuat secara 'live' dan secara sedar tanpa paksaan dari mana-mana pihak. Video yang dimuat naik oleh OKT melalui aplikasi "Facebook" adalah sesuatu yang sensitif dan secara langsung OKT telah dengan sedar membuat satu komen yang jelik atau komen yang tidak baik terhadap Sultan, bangsa Melayu dan ianya bukanlah perbincangan ilmiah seperti yang didakwa oleh OKT.

[71] Berdasarkan keterangan SP1 adalah jelas bahawa video yang dimuat naik oleh OKT telah mengganggu emosi SP1 atau sesiapa sahaja yang melihatnya kerana ianya mengandungi perkara-perkara yang negatif yang boleh memecahkan keharmonian masyarakat.

[72] Mahkamah ini ambil maklum bahawa kes ini merupakan kes perbicaraan penuh yang mana keterangan saksi-saksi polis, saksi awam dan saksi pakar telah memberi keterangan dan ianya melibatkan kos yang tinggi. Oleh itu, hukuman-hukuman yang dikenakan terhadap OKT mestilah mencerminkan keseriusan mahkamah dalam menghukum pesalah-pesalah

yang memuat naik kandungan video berbentuk penghinaan ke atas Institusi Kesultanan Melayu atau bangsa. Pengataan-pengataan OKT ini akan memberi persepsi negatif di kalangan masyarakat terhadap Institusi Kesultanan Melayu dan secara tidak langsung membangkitkan kemarahan atau sakit hati orang-orang Melayu Islam.

[73] Mahkamah ini berpendapat bahawa HMS gagal mengambil kira keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh OKT di dalam kes ini yang mana video yang telah dimuat naik oleh OKT membabitkan sensitiviti agama dan kaum serta menggugat keharmonian masyarakat di Malaysia. Tambahan pula, hantaran video tersebut boleh ditonton oleh semua kaum di Malaysia atau di mana-mana sahaja.

[74] Merujuk kepada s. 233(3) Akta 588, hukuman bagi kesalahan ini adalah denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan. HMS telah menjatuhkan hukuman ke atas OKT dengan denda RM10,000, jika gagal bayar enam bulan penjara.

[75] Manakala bagi s. 504 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun dan boleh juga dikenakan denda atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut. HMS telah menjatuhkan hukuman ke atas OKT, penjara lima hari dan denda RM5,000 jika gagal bayar tiga bulan penjara.

[76] Mahkamah ini berpendapat bahawa hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan ke atas OKT adalah sangat tidak berpatutan dan ternyata tidak memadai (manifestly inadequate) dengan mengambil kira pengataan-pengataan OKT ini akan memberi persepsi negatif di kalangan masyarakat terhadap Institusi Kesultanan Melayu dan secara tidak langsung membangkitkan kemarahan atau sakit hati orang-orang Melayu Islam. Hukuman-hukuman yang diberikan ini tidak dapat dijadikan pengajaran kepada OKT dengan kesalahan yang dilakukannya yang mana pada fikiran mahkamah ini ianya boleh menyebabkan ketenteraman awam terganggu dan pengataan-pengataan tersebut adalah sensitif dan menyentuh sentimen perkauman di negara ini.

[77] HMS telah gagal mempertimbangkan faktor kepentingan awam dalam menentukan hukuman yang berpatutan dan memadai terhadap OKT. HMS tidak menyatakan dalam mana-mana perenggan di dalam alasan penghakiman beliau bahawa kepentingan awam telah diambil kira dalam menentukan hukuman yang dikenakan terhadap OKT di dalam kes ini.

[78] Mahkamah ini merujuk kepada bentuk hukuman di mahkamah lain yang melibatkan kesalahan yang berbentuk penghinaan agama di platform media sosial bagi melihat "trend of sentencing":

A (i) *PP lwn. Mohd Nor' Muzil Mohd Razalli* (Mahkamah Sesyen Sepang, Selangor) (BK-62CY-1-07-2022)

Pada 20 Julai 2022, OKT mengaku salah atas pertuduhan menghina Nabi Muhammad SAW. Mahkamah Sesyen Sepang, Selangor menjatuhkan hukuman denda RM50,000 jika gagal bayar enam bulan
B penjara.

(ii) *PP lwn. Mohamad Yazid Kong Abdullah* (Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur) (WA-62CY-6-03-2019)

Pada 11 Mac 2019, OKT mengaku salah atas pertuduhan menghina
C Nabi Muhammad SAW dan Islam dengan memuat naik kenyataan jelik di media sosial pada 24 Februari 2019. Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara tujuh bulan dan denda RM10,000 jika gagal bayar dua bulan penjara.

(iii) *Alister Cogia lwn. PP* (Mahkamah Tinggi Kuching, Sarawak)
D

Pada 13 September 2019, Mahkamah Tinggi Kuching telah membuat semakan dan mengurangkan hukuman penjara dari sepuluh tahun kepada enam tahun dan denda RM50,000 dikekalkan. OKT terdahulunya dijatuhi hukuman penjara sepuluh tahun dan didenda RM50,000 selepas
E mengaku bersalah bagi sepuluh pertuduhan menghina Nabi Muhammad SAW menerusi akaun Facebook miliknya, 'Ayea Yea'.

Kesimpulan

[79] Rayuan pihak pendakwaan ke atas hukuman adalah bermerit dan dibenarkan. Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS ke atas OKT diketepikan
F dan digantikan dengan hukuman seperti berikut:

(i) pertuduhan pertama di bawah s. 233(1)(a) Akta 588 dijatuhkan hukuman dua bulan penjara dari tarikh jatuh hukum (30 November 2023) dan denda RM10,000 jika gagal bayar tiga bulan penjara.

G (ii) pertuduhan kedua di bawah s. 504 KK dijatuhkan hukuman empat bulan penjara dari tarikh jatuh hukum (30 November 2023) dan denda RM5,000 jika gagal tiga bulan penjara.

Kedua-dua hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh jatuh hukum.

H

I